

Tunku pemimpin budiman

MM: Ahad 24/6/2007

KUALA LUMPUR 23 Jun - Bagi bekas pegawai polis berketurunan Myanmar, Mong Khon, 78, sikap baik hati dan kemesraan Perdana Menteri Malaysia pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, tidak mungkin terpadam daripada ingatannya selagi hayat di kandungan badan.

"Beliau adalah lelaki budiman dan sangat baik hati," katanya mengenai Bapa Malaysia itu.

Mong Khon, yang bersara daripada jawatan Timbalan Pesuruhjaya dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 1984, berkata beliau tidak dapat melupakan peristiwa yang berlaku pada suatu malam yang sejuk dengan keadaan hujan mencurah-curah di Cameron Highlands pada 1961 ketika Tunku menghadiri mesyuarat Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) di sana.

"Saya terkejut apabila beliau sanggup keluar pada tengah malam untuk bertanya sama ada anggota Pasukan Polis Hutan yang bertugas diberi tempat berteduh yang sewajarnya. Ini menunjukkan beliau pemimpin yang sentiasa mengambil berat tentang kebajikan rakyat," kata bekas pegawai polis ini dalam temu bual sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50.

Mong Khon berkata beliau juga berbangga kerana tiga saudara lelakinya (Maung Song Seng, Boon Mee dan Boon Khan), dua saudara perempuan (Mah Sin Yin dan Mary



Malaysiaku Gemilang


Dong) dan beliau sendiri berpeluang berkhidmat dengan PDRM untuk mencurahkan bakti kepada negara.

Katanya apa yang dilakukan oleh adik-beradiknya itu memenuhi saranan pelbagai pihak, termasuk Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim yang melahirkan kekaguman beliau tentang sebuah keluarga yang ramai anggotanya sanggup mencurahkan bakti demi menjamin keamanan negara.

"Mungkin kami dipengaruhi oleh keadaan tempat tinggal kami yang terletak berhampiran dengan balai polis di Pulau Tikus, Pulau Pinang pada tahun 1940-an," kata anak kelahiran Pulau Mutiara ini.

Mong Khon, yang sedang menyiapkan buku tentang pengalamannya melepaskan diri daripada maut semasa bertugas sebagai pegawai polis, pernah berkhidmat di pelbagai tempat di Malaysia dan selatan Thailand.

Saudara lelakinya, Boon Mee, yang bersara daripada jawatan Tim-




MONG KHON

balan Pesuruhjaya Kanan II pada 1987 pula, pernah berkhidmat dengan perdana menteri kedua Tun Abdul Razak Hussein.

"Saya masih ingat satu peristiwa ketika Tun pergi ke Bangkok untuk menghadiri mesyuarat. Ketika mengiringi anggota perwakilan, sebuah daripada motosikal yang ditanggung anggota polis pengiring terbalik akibat kemalangan dan Tun sendiri turun dari kereta untuk membantu pegawai itu," kata Boon Mee.

Mong Khon dan Boon Mee juga pernah bertugas di kawasan sempadan di utara Semenanjung Malaysia yang menjadi sarang komunis suatu ketika dulu.



BOON MEE

"Saya juga bertugas semasa berlangsungnya Rundingan Baling yang cukup bersejarah itu pada 1955 apabila Tunku berjumpa Chin Peng.

"Keadaan pada masa itu sungguh dahsyat kerana komunis sering melakukan keganasan terhadap pemilik ladang getah, penoreh dan penduduk kampung," kata Mong Khon.

Beliau juga menceritakan bahawa pada zaman itu anggota pasukan keselamatan perlu sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan hitam kerana di situ terdapat banyak penyokong komunis dan apabila melalui "jalan merah" yang terdedah kepada serang hen-

dap penganas.

"Apabila dikenang kembali, keadaan pada hari ini begitu aman dan kita boleh pergi hampir ke mana saja tanpa perlu berasa takut," kata Mong Khon, yang sering memandu kereta kesayangannya Peugeot 405 dari tempat tinggalnya sekarang di Alor Star ke Kuala Lumpur dengan penuh rasa tenteram.

Malaysia, kata beliau, telah mengalami kemajuan yang amat pesat sejak 50 tahun lepas hingga menjadi antara negara paling terkemuka di Asia pada masa kini.

Mong Khon, yang enam anaknya mendirikan rumah tangga dengan pelbagai bangsa, berkata beliau harap generasi muda di negara ini sentiasa menghargai keunikan Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan berusaha untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian yang wujud sekarang untuk selama-lamanya.

"Emak saya, Meh Id, berfikiran liberal dan tidak membantah apabila adik-beradik saya ingin berkahwin dengan orang dari bangsa lain.

"Saya juga mengikut jejak langkahnya dan mempunyai hubungan baik dengan menantu saya dan keluarga mereka," kata Mong Khon, yang empat anak perempuan dan dua anak lelakinya memilih pasangan hidup daripada bangsa Melayu, Cina dan Amerika.

- Bernama